

**Gerak Sakti Diwujudkan Untuk Tangkis Dakwaan Terhadap BN
Bernama
18 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 18 Mac (Bernama) -- Parti Makkal Sakti Malaysia mewujudkan pasukan petugas khas dikenali sebagai Gerak Sakti di pelbagai penempatan kaum India bagi menangkis dakwaan serta pembohongan yang disebar oleh pembangkang terhadap Barisan Nasional (BN).

Presidennya, Datuk R.S.Thanenthiran berkata sebagai permulaan, Gerak Sakti akan menumpukan kepada akar umbi kaum India di Temerloh, Mentakab dan Maran di Pahang dalam usaha meraih lebih undi untuk parti pemerintah pada pilihan raya umum akan datang.

"Kami dapati masyarakat India di kawasan luar bandar mudah dipengaruhi oleh pembangkang untuk tidak mengundi BN.

"Justeru, Gerak Sakti akan memainkan peranan dalam meyakinkan mereka untuk menyokong Barisan (Nasional) dengan menjelaskan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk kebaikan masyarakat India," katanya kepada Bernama.

Thanenthiran, yang mengetuai Gerak Sakti di Parit Buntar, Perak berkata Makkal Sakti akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN pada pilihan raya umum yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653096>